



<b>1 JAWATAN</b>	<b>: PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN</b>
<b>KEMENTERIAN/JABATAN</b>	<b>: KEMENTERIAN PEMBANGUNAN</b>
<b>BAHAGIAN</b>	<b>: I</b>
<b>TANGGAGAJI</b>	<b>: SUPERSCALE A (\$9,500 SEBULAN) SUPERSCALE B (\$8,000 SEBULAN) SUPERSCALE C (\$6,800 SEBULAN)</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	<b>: SATU (1)</b>

#### **KELAYAKAN MINIMUM:**

##### **1. BAGI TANGGAGAJI SUPERSCALE A**

- a) i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-Undang (LLB)/Pengurusan Pentadbiran Awam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut di atas adalah satu kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat dengan perkhidmatan kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dalam Tanggagaji Superscale B selama tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

##### **2. BAGI TANGGAGAJI SUPERSCALE B**

- b) i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-Undang (LLB)/Pengurusan /Pentadbiran Awam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut di atas adalah satu kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat dengan perkhidmatan kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dalam Tanggagaji Superscale C tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



### 3. **BAGI TANGGAGAJI SUPERSCALE C**

- c) i) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-Undang (LLB)/Pengurusan/Pentadbiran Awam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat dengan perkhidmatan kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dalam Tanggagaji Kumpulan 1 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- iii) Lulus dalam kursus "Program Perkembangan Eksekutif" di Universiti Brunei Darussalam.

4. Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

### 5. **SYARAT-SYARAT LAIN**

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN:**

##### **SELAKU KETUA DIVISYEN**

1. Mengetuai dan mentadbir Divisyen 'Governance and Delivery'.
2. Mengurus dan memimpin pegawai-pegawai bawahan.

##### **GOVERNANCE**

1. Memberikan nasihat undang-undang untuk menjaga kepentingan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam termasuk pengurusan kontrak, perjanjian-perjanjian lain, penguatkuasaan undang-undang, kutipan hasil dan tatatertib.



2. Memastikan kawalan audit dalaman dilaksanakan secara efektif.
3. Mempastikan penguatkuasaan akta-akta dan perjanjian-perjanjian berkaitan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di dalamnya.

#### **DELIVERY**

1. Memantau kegiatan Jabatan dan Divisyen sejajar dengan *strategic objectives* dan *deliverables* Kementerian Pembangunan.
2. Memacu peneraju-peneraju Kementerian Pembangunan untuk mencapai *deliverables* yang ditetapkan.
3. Memantau isu-isu akan berbangkit (*emerging issues*) dan melapor kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian Pembangunan.